Kertas Model UASA SJK (C)

教育出版社

# UASA
# 模拟测评

## 国文 Bahasa Melayu

Feng

5 set Kertas Model UASA

Berpandukan
Modul Perealisasian Item
**UASA & JSU**



## 5 年级

KSSR Semakan

Ng Jia Wei, Normahyati Abdullah

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

| Aras kesukaran dan nisbah | Rendah (R) 5 | Sederhana (S) 3 | Tinggi (T) 2 |
| --- | --- | --- | --- |
| Jumlah markah Bahagian A, B, C dan D | 50 | | |



# Kertas Model UASA 2

50

1 jam 15 minit

## Bahagian A
[10 markah]

**Soalan 1 dan 2**

*Isi tempat kosong dengan jawapan yang* **paling sesuai**.

1 Ayah sedang ______________ kereta baharunya di halaman rumah sambil mendengar radio.

A mencuci
B membaca
C menanam
D memotong

Kata Kerja | R

2 Baju Azmir ______________ kerana terkena sos cili semasa makan ayam goreng pada waktu rehat.

A luas
B kotor
C besar
D cantik

Kata Adjektif | R

**Soalan 3**

*Pilih ayat yang* **betul**.

3 A Joanne pergi ke sekolah dengan menaiki bas pada tiap hari.
B Semua murid-murid berkumpul di dalam dewan selepas waktu rehat.
C Terdapat banyak ikan yang besar sedang berenang di dalam sungai.
D Segala orang mengunjungi zoo pada hujung minggu bersama ahli keluarga.

Ayat Susunan Biasa | S



© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS
CamScanner

**Soalan 4 hingga 6**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

> Pada cuti sekolah yang lalu, Kok Seng membantu ayah di kebun sayur. Ayahnya menanam pelbagai jenis sayur seperti sawi, bayam dan kangkung. Kok Seng berminat untuk belajar tentang cara-cara menanam dan menjaga sayur-sayuran supaya tumbuh subur. Ayah mengajar Kok Seng cara menyiram dan menabur baja dengan betul.
>
> Pada setiap hujung minggu, mereka bersama-sama menghantar hasil tanaman kepada peniaga di pasar tani. Kok Seng berasa gembira kerana dapat membantu ayah. Dia boleh menggunakan kemahiran bertani untuk menambah pendapatan keluarga.

**4** Kok Seng dan ayahnya menjual hasil tanaman kepada siapa?

A Rakan sekerja ayah
B Peniaga di pasar tani
C Jiran dan saudara-mara
D Kawan-kawan Kok Seng

Pemahaman – Petikan | R

**5** Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

A Ayah Kok Seng tidak menjual hasil tanamannya.
B Kok Seng menanam bunga di halaman rumahnya.
C Ayah Kok Seng membeli sayur di pasar setiap minggu.
D Kok Seng membantu ayahnya menanam sayur di kebun.

Pemahaman – Petikan | S

**6** Yang berikut ialah aktiviti Kok Seng di kebun sayur ayahnya berdasarkan petikan **kecuali**

A menabur baja pada sayur.
B menyiram sayur dengan air.
C menghantar sayur kepada peniaga.
D menanam bunga dengan rakan-rakan.

Pemahaman – Petikan | T

© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

**Soalan 7 hingga 10**

*Baca maklumat dalam* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Bahan 1**

**Pameran Bijak Sains dan Teknologi**

**Tarikh** : 11 Ogos 2026 (Selasa)

**Masa** : 8:00 pagi – 2:00 petang

**Tempat:** Dewan Terbuka SJK(C) Chin Pei

**Aktiviti:**

✿ Pertandingan Robotik Mini

✿ Pameran Alat Inovasi Murid

✿ Ceramah "Bijak Guna Internet"

✿ Bengkel Eksperimen Sains Menarik

**Objektif program:**

❋ *Memupuk* cara berfikir secara kreatif

❋ Memupuk minat terhadap sains dan teknologi



**Bahan 2**

Pada minggu yang lalu, SJK(C) Chin Pei telah mengadakan Pameran Bijak Sains dan Teknologi. Semua murid tahap dua menyertai pameran tersebut dengan penuh semangat.

Cikgu Lim memulakan pameran dengan menyampaikan ceramah tentang kepentingan menggunakan Internet secara bijak. Selepas itu, murid-murid mengambil bahagian dalam Pertandingan Robotik Mini dan Bengkel Eksperimen Sains Menarik. Mereka dibekalkan oleh guru dengan komputer riba untuk melaksanakan aktiviti tersebut. Tambahan lagi, terdapat juga pameran yang mempamerkan inovasi murid yang kreatif.

Melalui aktiviti tersebut, murid-murid dapat *memupuk* pemikiran kreatif dan minat terhadap sains dan teknologi. Mereka juga sedar bahawa penggunaan teknologi secara bijak dapat memudahkan urusan seharian dan seterusnya membangunkan negara ke arah yang lebih maju.


© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

7 Siapakah yang menyampaikan ceramah semasa pameran tersebut?

A Cikgu Lim
B Guru Besar
C Encik Wong
D Murid tahap dua

Pemahaman – Pelbagai Bahan | R

8

> Mereka dibekalkan oleh guru dengan <u>komputer riba</u> untuk melaksanakan aktiviti tersebut.

**Penjodoh bilangan** yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

A biji.
B butir.
C buah.
D batang.

Penjodoh Bilangan | R

9 Perkataan *memupuk* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

A menggali.
B menunjuk.
C membuka.
D membentuk.

Pemahaman – Pelbagai Bahan | S

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

A Cikgu Lim dan Cikgu Kumar mengendalikan pertandingan robotik.
B Pameran Bijak Sains dan Teknologi hanya diadakan pada waktu pagi.
C Murid tahun lima sahaja yang dibenarkan menyertai program tersebut.
D Program ini dapat memupuk minat murid-murid terhadap sains dan teknologi.

Pemahaman – Pelbagai Bahan | T

CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## Bahagian B

[10 *markah*]

**Soalan 1**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

> Pada setiap pagi, Faris membantu ibunya di kedai runcit. Faris menolong ibu menyusun barang di atas rak dan mengemas kaunter. Dia melihat ibu sentiasa mengira semula wang pelanggan selepas menerima bayaran bagi memastikan jumlah bayaran adalah betul. Tindakan ibu menunjukkan sikap ibu yang jujur dan amanah dalam perniagaan.
>
> Faris berasa bangga kerana dapat membantu ibu sambil belajar tentang pentingnya bersikap jujur dan bertanggungjawab dalam kehidupan seharian. Nilai integriti yang diamalkan oleh ibu menjadi contoh yang baik untuk dirinya.

(a) Faris menolong ibu menyusun barang di atas rak dan ______________________

______________________.

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera **R** [1 *markah*]

(b) Mengapakah ibu Faris mengira semula wang pelanggan selepas menerima bayaran?

______________________________________________

______________________________________________

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera **R** [2 *markah*]

(c) *Gariskan* **satu kata adjektif** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

> Tindakan ibu menunjukkan sikap ibu yang jujur dan amanah dalam perniagaan.

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera **S** [1 *markah*]

(d) *Pilih dan tulis* (**BETUL**) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Nilai integriti yang diamalkan oleh ibu menjadi contoh yang baik untuk dirinya.

| | |
|---|---|
| Faris mengamalkan nilai integriti dan menjadi contoh yang baik untuk ibunya. | |
| Ibu mengamalkan nilai integriti dan menjadi contoh yang baik untuk Faris. | |

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera **T** [1 *markah*]



© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

CamScanner

**Soalan 2**

*Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

> Kamu berhasrat untuk menyertai Pertandingan Kuiz Kebangsaan yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Namun begitu, keluarga kamu bercadang untuk menghadiri kenduri di kampung pada hari yang sama.

Berdasarkan situasi di atas, apakah pilihan kamu? Nyatakan alasan bagi pilihan tersebut.

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

Penyelesaian Masalah – Pertimbangan dan Keputusan / Rumusan | R / S / T | [5 *markah*]

## Bahagian C

[10 *markah*]

*Grafik di bawah menunjukkan tentang perniagaan kuih nyonya. Tulis pendapat kamu tentang* **cara-cara mengembangkan perniagaan kuih nyonya**. *Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan**. *Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**




________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________

Penulisan Perenggan – Pendapat | R / S / T | [10 *markah*]

© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.



LIVEWORKSHEETS
CamScanner

## Bahagian D

[20 *markah*]

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan berformat atau karangan tidak berformat**. *Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan.**

**Aktiviti Keluarga di Taman Rekreasi**



1 Tulis sebuah cerita berdasarkan bahan grafik.

ATAU

2 Tulis sebuah catatan berdasarkan bahan grafik.



© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS CamScanner